

Artikel disediakan oleh: Jabatan Perhubungan Perusahaan Selangor

KEPERLUAN DAN KEUPAYAAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN DALAM MENDEPANI ERA REVOLUSI PERINDUSTRIAN KEEMPAT

Kini kita telahpun memasuki era Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0), suatu era bercirikan teknologi digital dan automasi. Apakah perubahan terhadap keperluan kemahiran yang berlaku dalam era Industri 4.0? Era revolusi perindustrian ini adalah berlandaskan kepada revolusi digital yang menggabungkan pelbagai jenis teknologi yang menyamarkan batasan antara unsur fizikal, digital dan biologikal. Aspek keperluan kemahiran amat penting dalam situasi negara menuju ke arah negara maju, terutama sekali dalam era Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0). Era ini dicorakkan dengan kemajuan teknologi baru dalam pelbagai bidang. Oleh itu, keperluan kemahiran baru amat ditekankan bagi mencetuskan kemajuan teknologi dalam era Revolusi Perindustrian Keempat ini.

Kesannya terhadap kehidupan harian manusia tidak terduga dan perubahan drastik ke atas pasaran buruh hampir menjadi suatu kepastian yang tidak dapat dielakkan. Kita dapat menjangkakan fenomena penghapusan pekerjaan sedia ada dan penciptaan pekerjaan baharu. Ini adalah kesan daripada pengautomasian proses pengeluaran sedia ada melalui robot dan penggunaan teknologi digital melalui internet untuk mempercepatkan urusan perdagangan merentasi sempadan. Sesungguhnya kemahiran kerja yang mencorakkan pasaran buruh dalam era revolusi perindustrian kini amat berlainan dengan keperluan dalam era revolusi perindustrian yang sebelumnya.

Kecanggihan komunikasi juga akan mencipta model perniagaan baharu dan penawaran ekonomi dalam cara yang tidak dapat dilakukan menerusi kaedah konvensional sebelumnya. Contohnya, penciptaan Uber, aplikasi telefon pintar untuk perkhidmatan teksi hanya dimungkinkan oleh kepesatan inovasi peranti mudah alih berasaskan internet. Perkhidmatan seperti Facebook, WhatsApp, Printerest, Twitter

dan Instagram akan terus memainkan peranan penting dalam interaksi sosial rakyat di seluruh dunia dalam era Industri 4.0. Realitinya, gabungan automasi dan sambungan *extreme* membolehkan sistem pengkomputeran dalam era Industri 4.0 untuk mengawal dan menguruskan proses fizikal serta tindak balas dengan cara yang lebih hebat berbanding keupayaan manusia. Salah satu ciri penting bagi proses pengeluaran dalam era Industri 4.0 ini ialah penggunaan kecerdasan buatan bersifat robotik yang menggantikan tenaga manusia dalam pelbagai jenis pekerjaan. Walaupun pekerjaan yang dimaksudkan ini masih dirasai penting sekarang, namun corak penggunaan faktor pengeluaran baharu ini akan mengurangkan kepentingan pekerjaan melalui penghapusan pekerjaan yang bersifat rutin dan manual serta penciptaan pekerja baharu yang selari dengan penggunaan kecerdasan buatan. Bagi mengelakkan daripada digantikan oleh kecerdasan buatan, pihak berkepentingan di dalam dan di luar pasaran buruh haruslah merancang strategi bagi meningkatkan penguasaan kemahiran teknikal yang terkini dalam kalangan pekerja untuk memenuhi keperluan pasaran yang sering berubah.

Laporan kajian daripada *World Economic Forum* telah menyenaraikan sepuluh kemahiran generik utama yang diperlukan pada tahun 2020. Kemahiran tersebut adalah seperti penyelesaian masalah kompleks, pemikiran kritikal, kreativiti, pengurusan insan, penyelarasan bersama pihak lain, kecelikan emosi, pembuatan keputusan, kemahiran berorientasikan perkhidmatan, perundingan dan fleksibiliti dalam penerapan kemahiran kognitif. Dengan kemunculan teknologi baharu serta berubahnya kaedah pelaksanaan sesuatu tugas, kemahiran kreativiti amat penting dalam kalangan pekerja supaya mereka memperoleh manfaat daripada perubahan baharu dalam pasaran buruh ini.

Walaupun keperluan kemahiran teknikal berbeza mengikut tahap pembangunan industri, namun tidak dapat dinafikan bahawa teknologi internet kini sedang mempengaruhi cara kita bekerja. Tahap penggunaan kecerdasan buatan dan percetakan tiga dimensi akan mengalami perubahan yang pantas menjelang 2020. Dengan kemajuan teknologi yang semakin tidak terduga ini, maka kerisauan

semakin terasa dalam kalangan pekerja tahap keupayaan mereka untuk melindungi pekerjaan daripada diambil alih oleh teknologi kecerdasan buatan atau robot. Kerisauan terhadap kehilangan kerja mungkin tidak dirasakan para pekerja dalam industri teknologi digital sungguhpun kemajuan teknologi merubah cara mereka bekerja. Ini kerana banyak peluang pekerjaan yang baharu dan menarik akan tercipta untuk mereka yang dilengkapi dengan kemahiran teknologi digital. Contohnya, pekerja yang mempunyai daya kreativiti yang tinggi dengan penerokaan peluang yang dapat mengoptimumkan proses perniagaan akan diutamakan. Dengan kadar perkembangan teknologi yang begitu pantas, pekerja Malaysia berkemungkinan tidak berupaya untuk bersaing secara global dan terpaksa menghadapi risiko kehilangan kerja. Hal ini akan membantutkan usaha kerajaan untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi disamping meningkatkan peratusan pekerja mahir pada tahun 2020. Bahang Industri 4.0 dalam menghapuskan pekerjaan yang bersifat ulangan, rutin dan manual semakin dirasakan di Malaysia.

Menurut sebuah kajian *Khazanah Research Institute*, lebih separuh daripada pekerjaan-pekerjaan sedia ada pada masa kini akan menghadapi risiko tinggi untuk diautomasikan. Sebaliknya pekerjaan yang memerlukan tahap kemahiran yang tidak bersifat rutin dan tidak mudah dibantu dengan komputer akan menjadi lebih penting di Malaysia. Corak perubahan ini sudah tentu akan memanfaatkan pekerja mahir yang mempunyai kecelikan penggunaan komputer dan teknologi, kemahiran kognitif dan kemahiran sosioemosi yang ke hadapan. Pada masa yang sama, perubahan ini turut memanfaatkan pekerja kurang mahir yang perlu berinteraksi dengan pelanggan atau sering menyesuaikan diri dalam situasi yang baru.

Keperluan dan keupayaan perhubungan perusahaan dalam mendepani era Revolusi Industri 4.0 ini amat penting menjadi perantara antara pekerja dan majikan, senario ekonomi dunia dan keperluan operasi syarikat yang sentiasa berubah akan menyebabkan syarikat membuat perubahan secara keseluruhan atau sebahagian operasi. Sekiranya majikan menstruktur semula bagi menentukan operasi syarikat

terus bertahan, besar kemungkinan syarikat yang terlibat terpaksa melaksanakan langkah bagi meneruskan kesinambungan operasi seperti penggabungan, pengecilan tenaga kerja, penutupan syarikat, penstrukturan semula dan mungkin juga tindakan pengeneplan pekerja. Majikan dalam melaksanakan tindakan pengurangan pekerja perlulah membuktikan bahawa ia telah dilaksanakan dengan adil serta mempunyai alasan yang kukuh. Ia adalah untuk memastikan agar pekerja mendapat pembelaan dan hak yang sewajarnya bagi mengekalkan keharmonian perusahaan.

Sehubungan itu, dalam mendepani perubahan Industri 4.0 Jabatan Perhubungan Perusahaan berusaha mewujudkan mekanisme terbaik menyelesaikan pertikaian majikan-pekerja dalam keadaan yang harmoni apabila berlaku sebarang pertikaian yang timbul serta memberi perkhidmatan yang mengikut teras strategik selaras dengan era Industri 4.0. Dengan adanya komitmen daripada pihak yang berkepentingan dalam menyelesaikan pertikaian antara majikan dan pekerja, diharapkan cabaran Industri 4.0 dapat ditangani dengan penuh jayanya dan keharmonian persekitaran pekerjaan dapat dijamin kestabilannya. Keharmonian perusahaan adalah merupakan pra-syarat terpenting yang perlu ada sekiranya negara ingin memantapkan kestabilan sistem ekonominya.

Keperluan dan keupayaan perhubungan perusahaan dalam mendepani era Revolusi Perindustrian Keempat dalam gelombang Industri 4.0 lebih ketara apabila berlaku perubahan dalam trend pekerjaan. Pekerjaan dalam bidang tertentu dijangka akan terjejas menyebabkan pekerja kehilangan pekerjaan. Dalam menangani pertikaian dan penamatan pekerja kebolehan dan tahap profesionalisme para pegawai perlu ditingkatkan untuk tujuan memberi khidmat perundingan terbaik yang sesuai dengan pendamaian yang bermanfaat kepada pihak majikan dan pekerja. Mendepani Industri 4.0 sangat menekankan pengetahuan teknikal, kemahiran kerja berpasukan dan komunikasi, mempunyai kemahiran penyelesaian masalah dan pemikiran strategik, inovasi, kreativiti dan pengetahuan teknikal. Selain daripada itu, dengan memanfaatkan teknologi baru yang maju, keupayaan dalam pentadbiran

dan operasi kerja serta penyelesaian masalah untuk para pelanggan akan menjadi lebih berkesan

Secara keseluruhannya, Malaysia berada di landasan yang baik bagi menghadapi cabaran Industri 4.0. Walau bagaimanapun, perlu memikirkan langkah terbaik bagi menangani sebarang permasalahan pada masa akan datang. Sebagai sebuah negara yang sentiasa terbuka kepada arus globalisasi semasa adalah perlu untuk memastikan agar sistem perhubungan perusahaan yang diamalkan mampu menghadapi cabaran mendatang. Gangguan teknologi kesan Industri 4.0 merupakan cabaran getir yang perlu ditangani oleh Malaysia bagi memastikan faedah Industri 4.0 tidak membawa keburukan kepada masa depan dalam sektor pekerjaan negara.

Rujukan:

BH Online.2017.Industri 4.0 wujudkan 1.5 juta peluang pekerjaan.Diakses pada 17 Jan2020.<http://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/node/360270/amp>.

Blinder,A.2008.*Educational for the third industrial revolution*.CEPS Working Paper No.163, May. Business strategy:Some evidence from firms located in an emerging market. *Journal of Asia Business Studies*, 8(2): 168-186.

Frey, C.B. & Osborne, M.A.2017.*The future of employment:how susceptible are jobs to computerization?.Technological Forecasting and Social Change* 114, 254-280.

Halimahtun Saadiah Abu Hasim, Zaimah Darawi.2012. *Analysis of human resources requirement in Malaysian services sector*.2,993-1000.

Haryani Ngah.2016.Malaysia perlu ramai pekerja mahir capai taraf negara maju.

Kamal Salih.1994.Perspektif Sumber Manusia ke Arah Pencapaian Wawasan 2020.

Kementerian Sumber Manusia.2018.Statistik Pekerjaan dan Perburuhan.<http://myhos.mohr.gov.my.my/ebook/istatistik3>.

Malaysian Industry-Government Group for High Technology MIGHT, 2016. *Malaysia National Foresight Magazine: Industrial Revolution 4.0 in Malaysia*. Akses pada 15 Mei 2018 daripada www.myforesight.my.

Ng.A.2017. The times are A-changin': Technology, employers and the Malaysian economy. Kuala Lumpur: Khazanah Research Institut.

World Economic Forum[WEF].2016. *The future of jobs:employment,skill and workforce strategy for the fourth industrial revolution*.Geneva:World Economic Forum.

World Economic Forum[WEF].2016a.*Extreme automation and connectivity:The global, regional and investment implications of the Fourth Industrial Revolution*.